

UTM pertahan emas bola tampar



Naib Canselor UTM, Profesor Datuk Ir Dr Wahid Omar (tiga dari kiri) bersama skuad bola tampar wanita UTM yang mempertahankan pingat emas kali ke tiga, semalam.

Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mempertahankan pingat emas acara bola tampar buat kali ketiga berturut-turut selepas mene-

waskan Universiti Antarabangsa INTI (INTI IU) pada Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), di sini, semalam.

Kelebihan bermain di gelanggang sendiri di sini, digunakan sepenuhnya oleh pasukan tuan rumah itu untuk mempamerkan aksi cemerlang sejak awal permainan bagi memerangkap lawan sekali gus mendahului 25-16 di set pertama.

UTM terus mengungguli aksi set kedua dengan meraih 25-19 sehingga mendorong INTI IU menyusun strategi bagi memperkemas serangan.

“*Kami bangga dengan kemenangan ini walaupun sebelumnya berdepan banyak cabaran*”

Ho Xiao Hui
Kapten UTM

Pada pusingan akhir, pertahanan tuan rumah dilihat agak goyah apabila ketinggalan dengan 24-19 sebelum ketua pasukan UTM, Ho Xiao Hui, 24, pantas mendukung ketahanan mental setiap ahlinya untuk akhirnya berjaya mengatasi INTI IU, 28-26.

Pingat gangsa acara ini milik Universiti Putra Malaysia.

“Kami bangga dengan kemenangan ini walaupun sebelumnya berdepan banyak cabaran termasuk hanya berlatih seminggu sebelum pertandingan kerana semua ahli menumpukan perhatian pada pelajaran,” kata Xiao Hui.

Jurulatih UTM, Franco Liu, berpuas hati dengan prestasi cemerlang yang ditonjolkan anak buahnya mempertahankan kejuaraan sukan bola tampar terbabit. – **Oleh Nurul Amanina Suhaini**